



OWEE AH CHUN / BERTI HARIAN

PANTAU: Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan menyatakan sesuatu ketika melawat tebatan banjir Sungai Bahau di Bahau, baru-baru ini.

Tebatan atasi banjir kilat

Kerajaan negeri meluluskan peruntukan segera RM4 juta bagi membolehkan projek fasa kedua disambung semula

BAHAU: Setiap kali hujan lebat, kerosakan membelenggu penduduk di beberapa kawasan sekitar bandar ini kerana bimbang penempatan mereka dinaiki banjir kilat yang boleh mendatangkan kerugian apabila perkakas dan kelengkapan rumah rosak.

Kegelisahan mereka, terutama penduduk Taman Cempaka, Taman Bahau, Taman Ria dan Taman Jaya itu turut membabitkan keselamatan keluarga, di samping kepenatan kerana terpaksa membersihkan kediaman selepas itu.

Empat taman berkenaan yang menempatkan lebih 2,000 penduduk terletak di kawasan rendah, berhampiran Sungai Bahau, menyebabkan ia sering dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat dengan kes terbaru pada 18 April lalu.

Bagaimanapun, kerosakan mereka bakal berakhir tidak lama lagi apabila projek penebatan banjir Sungai Bahau fasa kedua yang tertangguh sejak dua tahun lalu disambung semula.

Sebelum ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri sudah menyiapkan fasa pertama yang membabitkan kerja melebarkan Sungai Serting sejauh tiga kilometer dan Sungai Bahau sejauh enam kilometer.

Projek keseluruhan bernilai RM5.7 juta dan bermula pada 2002 itu turut membabitkan pembinaan saliran konkrit sepanjang satu kilometer, tiga jambatan dan dua pemetung kekotak.

Kerja itu membolehkan kawasan berkenaan bebas daripada banjir kilat berikutan sistem saliran yang sempurna, selepas fasa kedua projek ditangguhkan pada 2004.

Menyedari perlunya masalah banjir kilat diatasi sepenuhnya, kerajaan negeri meluluskan peruntukan segera RM4 juta bagi membolehkan projek fasa kedua disambung semula.

Pengarah JPS negeri, Ir Ahmad Husaini Sulaiman, berkata skop kerja fasa kedua membabitkan pembinaan saliran konkrit sepanjang 620 meter dan pembinaan dua pemetung kekotak.

Pembinaan sistem saliran baru konkrit bermula dari Taman Ria ke Taman Muhibbah sepanjang 210 meter dan Taman Muhibbah ke Kampung Pak Ka

Choon sepanjang 160 meter.

Saliran konkrit bertujuan mengekalkan struktur semula jadi sungai dan melancarkan aliran air akan turut dibina dari Kampung Pak Ka Choon ke Taman Cempaka sejauh 250 meter.

Menariknya, beliau berkata, dua pemetung yang berfungsi menampung air hujan bagi mengelak limpahan air sungai akan dibina dengan air yang ditakung dilepaskan semula ke sungai selepas hujan berhenti.

Katanya, kaedah pembinaan pemetung berukuran 7 meter x 4 meter di Taman Muhibbah dan Taman Cempaka itu mampu mengelakkan limpahan air yang menyebabkan banjir kilat.

"Kami berharap skop kerja yang dimulakan awal Jun dan dijadualkan siap pertengahan tahun depan dapat mengatasi banjir kilat di empat taman terbabit," katanya.

Sementara itu, beberapa penduduk yang ditemui bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana prihatin dengan masalah yang dihadapi mereka sejak sekian lama.

Mohd Syamir Hafiy, 40, berkata penduduk sudah tidak tahan dengan masalah banjir yang kerap berlaku sehingga pernah terfikir untuk berpindah.

"Kali terakhir kejadian pada 18 April lalu apabila air naik hingga ke paras lutut. Kejadian menyebabkan banyak perkakas dan perabot rumah rosak.

"Jadi, kami berharap projek tebatan yang disambung semula dapat membantu mengatasi banjir kilat," katanya.



PUNCA TERSEKAT: Laluan di bawah jambatan Sungai Bahau sempit menyebabkan laluan air tersekat mengakibatkan banjir di Bahau.

FAKTA

Projek Tebatan Banjir Sungai Bahau Fasa Kedua

- Pembinaan saliran konkrit sejauh 620 meter
- Pembinaan dua pemetung berukuran 7m X 4m
- Kos dianggarkan RM4 juta
- Bermula Jun 2006 dan dijadualkan siap pertengahan tahun depan
- Mengatasi banjir kilat di Pekan Bahau khususnya Taman Cempaka, Taman Bahau, Taman Jaya dan Taman Ria